

BAB 2

KAJIAN LITERATUR


2.1 PENDAHULUAN

Latarbelakang kajian, kenyataan masalah, objektif kajian dan kepentingan kajian telah diterangkan dalam Bab 1. Bab ini akan memberikan terperinci mengenai pembolehubah dan ulasan yang relevan dengan disokong oleh literatur yang mana setiap pembolehubah mempunyai pandangan pengkaji terdahulu. Konsep pengurusan sistem logistik oleh organisasi tentera akan dibincangkan.

2.2 PRAKTIS SEMASA SISTEM BEKALAN TENTERA DARAT

Untuk mengenalpasti keperluan peralatan dan stor, perbincangan pertama sekali mengenai Sistem Bekalan Ordnans yang sedia ada. Sekarang ini, Sistem Bekalan Ordnans berdasarkan kepada prinsip secara berpusat dan penggunaan yang maksimum terhadap sumber yang minima. Konsep fasilitas yang diadakan untuk menyediakan perkhidmatan ordnans dan bantuan kepada semua dalam keadaan aman dan perang. Pemerintah Divisyen dan briged akan memerintah sendiri sumber ordnans yang ada dengan dibantu oleh staf ordnans. Stor Bekalan Ordnans untuk pasukan hadapan melalui konsep

empat barisan senggaraan. Diagram dibawah merupakan konsep yang dinyatakan.



Rajah 3.1

Level Bekalan Ordnans

Sistem Bekalan Ordnans mengikut empat barisan senggaraan. Konsep ini telah lama diperkenalkan dalam perkhidmatan. Barisan senggaraan Ordnans disimpulkan seperti berikut:

- **Barisan Pertama (First Line).** Ianya di bawah kawalan pemerintah pasukan. Skala yang dipegang adalah mengikut skala-skala yang tertentu yang telah ditetapkan. Lazimnya semua aktiviti pengurusan, perolehan, penyetoran, penyelenggaraan akan diuruskan oleh Jabatan Logistik di pasukan.
- **Barisan Kedua (Seconds Line).** Ianya merupakan stok-stok yang akan dipegang dan di simpan di gudang-gudang Kumpulan Ordnans Briged (KOB) dan sel-sel Ordnans yang organik kepada pasukan-pasukan teknikal. Stok ini merupakan stok-stok penggantian untuk memenuhi hak dan perjawatan di samping peralatan-peralatan baru sebagai tambahan Jadual Peralatan Pasukan.
- **Barisan Ketiga (Third Line).** Stok ini merupakan stok yang akan dipegang oleh pasukan-pasukan Ordnans di setiap wilayah. Pasukan bertanggungjawab untuk mengurus, memperoleh, menyetor, menyelenggara dan mengeluarkannya adalah Kumpulan Ordnan Divisyen (KOD). Pasukan ini bertanggungjawab untuk membekalkan

kepada KOB. Namun begitu, ada kalanya pasukan-pasukan yang berdekatan dengan KOD akan berurusan terus dengan pasukan ini. Ini adalah disebabkan oleh faktor geografi dan penempatan pasukan. Walaubagaimanapun tatacara perolehan stok oleh pasukan sama dengan tatacara berurusan dengan KOB.

- **Barisan Keempat (Fourth Line).** Stok ini merupakan stok-stok yang diuruskan oleh Depo Pengkalan Ordnans (DPO) yang juga yang dikendalikan oleh Kor Ordnans DiRaja. Ia termasuk Depo Simpanan Perang (DSP) yang menyimpan dan menguruskan peralatan kapital untuk digunakan sekiranya ada konflik ketenteraan.

Semasa konflik bekalan stor akan dilaksanakan dengan konsep sistem 'push forward'. Konsep ini akan mengagihkan keperluan stor mengikut keperluan pasukan hadapan di lokasi pertemuan yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, semasa aman sistem 'push forward' tidak di praktiskan. Elemen Kuatermaster pasukan akan membuat pengambilan di stor ordnans.

2.3 PENGURUSAN LOGISTIK DI BATALION 8 RAMD

Pengurusan Logistik di batalion 8 RAMD adalah merupakan sebahagian daripada pengurusan rantai bekalan dalam Tentera Darat. Tumpuan kajian

pengurusan logistik di batalion 8 RAMD untuk mengenalpasti praktis aktiviti rantaian bekalan di pasukan. Untuk mengenalpasti aktiviti ini, kajian akan membincangkan praktis pengurusan rantaian bekalan yang sedia ada yang digunakan secara komersial.

Fasa rantaian bekalan dan pengurusan rantaian bekalan menjadi sebahagian kamus perniagaan, namun begitu, tidak semua dapat memahami atau menggunakannya. Kajian ini menggunakan definasi berikut:

- **Rantaian Bekalan (Supply Chain)** . *“The network used to deliver products and services from raw materials to end customers through an engineered flow of information, physical distribution, and cash” (APICS).*
- **Pengurusan Rantaian Bekalan(Supply-Chain Management)** - *“. . . the collaborative effort of multiple channel members to design, implement, and manage seamless value-added processes to meet the real needs of the end customer” (Fawcett and Magnan, 2001).*
- **Bentuk Rantaian Bekalan (Supply-Chain Design)** – Untuk menunjukkan bagaimana struktur rantaian bekalan. Bentuk keputusan termasuk pemilihan rakan kongsi, lokasi dan kapasiti fasiliti, produk, mod pengangkutan, dan bantuan sistem maklumat.

Pengurusan Rantaian Bekalan boleh di lihat sebagai kesempatan untuk mencapai integrasi oleh fungsi korprat (Lambert 2006; Mentzer et al. 2001). Pengurus perlu menimbangkan kaitan antara pengurusan rantaian bekalan dan fungsi dan proses organisasi. Rantaian bekalan adalah rangkaian kepada unit bekalan tentera dengan menyediakan peralatan, rangsum dan perkhidmatan kepada pelanggan. Ramai setuju dengan pengurusan rantaian bekalan memerlukan penglibatan *cross-functional* (Bowersox, Closs dan Cooper, 2007; Cooper, Lambert dan Pagh, 1997; Mentzer 2001; Supply-Chain Council 2006).

Beberapa cadangan mengatakan pengurusan rantaian bekalan adalah integrasi tiga fungsi : pembelian, operasi and logistik (Wisner, Leong dan Tang, 2004). Pengurusan rantaian bekalan juga adalah mengenai strategi, rancangan dan operasi(Chopra Sunil dan Peter Meindl, 2001). Bagaimanapun , merujuk kepada pandangan oleh 'Council of Supply Chain Management Professionals' (CSCMP, 2007) iaitu menyatakan pengurusan rantaian bekalan adalah termasuk semua aktiviti pengurusan logistik, operasi pengilangan dan kordinasi proses yang melibatkan aktiviti pemasaran, jualan, rekabentuk produk, keewangan dan teknologi maklumat. (CSCMP, 2007). Oleh kerana rantaian bekalan tentera adalah rangkaian untuk menyediakan peralatan, rangsum, dan perkhidmatan kepada pelanggan, pengurusan rantaian bekalan mestilah menumpukan kepada hubungan antara pasukan tentera dan rangkaian pembekal dan pelanggan (Ellram dan Cooper 1993; Lambert, Knemeyer dan

Gardner, 2004). Pengurusan rantai bekalan perlu merangkumi kepada semua aktiviti iaitu unit bekalan hendaklah terlibat dengan pelanggan dan pembekal. Kajian ini akan membincangkan praktis aktiviti pengurusan rantai bekalan di batalion 8 RAMD iaitu pengurusan proses permohonan, proses memenuhi keperluan, proses pengurusan pelupusan, process inventori dan proses pengurusan dokumen.

2.4 PROSES PENGURUSAN PERMOHONAN

Dalam aspek tentera, proses pengurusan permohonan menumpukan bagaimana permohonan boleh disatukan dengan keupayaan rantai bekalan. Ini termasuklah rancangan hadapan, penyatuan, mengurangkan perubahan permohonan, dan membangunkan plan pengurusan kontigensi untuk menghadapi sekiranya ada kemungkinan perkara yang tidak diingini berlaku. Dengan tempat proses yang sesuai, pengurusan boleh dapat bekalan dengan permohonan yang proaktif dan melaksanakan plan dengan gangguan yang minima (Croxtton et al. 2006). Pegawai Memerintah sebagai pengurus logistik mestilah memainkan peranan dalam keadaan kritikal bagi setiap aspek proses pengurusan permohonan. Sumbangan pertama adalah kemasukan bentuk proses rancangan hadapan. Rancangan Hadapan mestilah mengikut rangka kerja (Marien 1999) dan dengan level yang sesuai untuk produk dan '*geographic disaggregation*' untuk mendapatkan keperluan kepada fungsi

logistik. Juga, individu dalam fungsi logistik mampu untuk membantu menilai yang munasabah dan inisiatif kemudahan usahasama seperti VMI dan CPFR (Sherman 1998; Waller, Johnson dan Davis, 1999).

2.5 PROSES MEMENUHI KEPERLUAN

Keperluan permohonan melibatkan penghasilan, fail dan menghantar pesanan pelanggan. Untuk mencapai tugas ini, pasukan bekalan tentera mesti mengikuti rekabentuk rangkaian dan proses permintaan pelanggan. In termasuk menubuhkan keperluan polisi dan penilaian kepada proses peranan teknologi. Objektif ialah untuk membangunkan kelicinan daripada pembekal kepada penubuhan tentera dan berbagai-bagai segmen pelanggan (Croxtton, 2006).

Proses keperluan adalah merupakan bidang logistik semenjak kebanyakan aktiviti operasi dilaksanakan dalam fungsi logistik. Untuk 'operational level', keperluan adalah proses melibatkan aktiviti tradisi logistik seperti fail dan pengagihan pesanan, dan sumbangan sumber fungsi logistik bagi mencapai aktiviti. Aktiviti utama proses keperluan adalah untuk memahami mengenai perkara semasa, keupayaan masa hadapan dan halangan rangkaian bekalan. Pengurus Logistik mengetahui keupayaan rangkaian dan kesan proses keperluan, termasuk 'lead-times', pembukusan terhadap, dan skil pengeluaran ekonomi. (Jimenez, Brown dan, Jordan 1998). Dalam kes ini, pengurus logistik

menyediakan banyak data yang diperlukan untuk analisa rangkaian termasuk 'lead-times', kos pengangkutan, dan kos gudang. Pengurus logistik menyumbang kepada penilaian proses keperluan. Unit bekalan tentera mestilah bekerja untuk mengenalpasti apakah level pelanggan yang sepatutnya termasuk PSAs. Akhirnya pengurus logistik mengenalpasti mengenai pilihan logistik.

2.6 PROSES PENGURUSAN PELUPUSAN

Sistem logistik yang sempurna perlu menimbangkan pengurusan operasi di rangkaian bekalan hadapan dan *reverse supply chain*. Dengan kata lain, produk buangan perlu dikitar semula, dikilangkan semula, atau digunakan sebelum ianya berakhir dan terbuang. Dengan ini '*end-of-life*' (EOL) produk perlu dirawat sebaik mungkin dalam sistem, perlu rancangan keberkesanan *reverse logistic*. (Liu *et al*, 2002) mencadangkan komprehensif sistem rangkaian bekalan perlu ada aktiviti pengurusan '*reverse supply chain*', di mana mengandungi semua EOL rawatan untuk produk, seperti '*refurbishing*', '*material recycling*', '*parts remanufacturing*', '*decomposing*' dan pelupusan sehingga material tak digunakan lagi. Idea komprehensif sistem pengurusan rangkaian bekalan juga dinamakan sistem '*Green Supply Chain Management*' (GSCM). Thierry *et al*. (1995) mencadangkan item buangan boleh dipertimbangkan sebagai berita baik selepas dikilangkan semula. Fleischmann *et al*. (1997) mengatakan

reverse logistics merujuk kepada siri aktiviti terhadap pengumpulan produk buangan daripada pengguna terakhir. Dalam Tentera Darat, pelupusan peralatan akan dilaksanakan melalui Lembaga Pemeriksaan. Lembaga Pemeriksaan akan melaksanakan pemeriksaan dan mencadangkan peralatan yang tidak boleh guna untuk dilupuskan. Segala pengurusan ini akan dikawal oleh kerajaan. (PATM Jil.3 Bab 13, 2004)

Dengan melibatkan proses pengembalian pengurusan, pengurus logistik akan mendapat kemudahan dengan rangkaian *reverse logistics* dan proses di reka bentuk dalam keupayaan rantai bekalan. Juga, akan menjadi perhatian kepada keupayaan yang perlu di bangunkan bagi memberikan kesan yang baik kepada pengurusan pelupusan. Logistik juga mampu untuk dirancang dan dilaksanakan mengikut rancangan hadapan dan mengikut aliran yang lebih baik untuk penggantian aset.

2.7 PENGURUSAN STOR LOGISTIK

Dalam Unit bekalan Tentera Darat, pengurusan rantai bekalan membincangkan mengenai dengan kawalan material dan aliran maklumat, proses struktur dan infrastruktur dengan menghantar peralatan mengikut saluran yang sesuai kepada pelanggan, yang mana ianya akan memberikan kepuasan maksimum. Satu cara meningkatkan pelaksanaan persaingan

dengan pendekatan integrasi dalam organisasi (e.g., demands, order fulfillment and disposal) dan keberkesanan hubungan dengan operasi luaran terhadap pembekal, pelanggan dan lain-lain saluran (Vickery, Calantone, dan Droge 1999)

Dalam proses senggaraan inventori, unit bekalan tentera memerlukan tempat untuk menyimpan sebelum diagihkan kepada pelanggan. Pengurusan gudang dalam unit bekalan tentera adalah sebahagian proses senggaraan inventori. Integrasi penggunaan sistem maklumat dalam pengurusan rantai bekalan dan perkongsian *database* rantai bekalan boleh mengenalpasti level yang optimum dalam inventori, mengurangkan ruang gudang, dan meningkatkan pusingan inventori (Kaeli 1990; Kaplan 1986; Shull 1987). Kawalan inventori dalam gudang melalui pengiraan pusingan untuk mengesahkan kesahihan stor.

Ketepatan rekod inventori adalah elemen mustahak yang memberikan keberkesanan yang digunakan sebagai sumber 'tool' dalam sistem dan rancangan. Rekod inventori sekurang-kurangnya perlu mengandungi perkara-perkara berikut; nombor stok, lokasi, kuantiti pegangan dan kod . Ringkasnya, matlamat utama pengiraan pusingan untuk mengenalpasti kesalahan, membetulkan kesalahan, mengekalkan ketepatan rekod inventori dan menilai penyata aset semasa. Dalam kajian ini, rancangan keperluan material

merupakan perkara mustahak untuk menentukan keupayaan unit untuk melaksanakan operasi yang telah diarahkan.

Sistem integrasi baru dalam rantai bekalan, jika penggunaan yang betul, boleh menerajui kualiti produk yang tinggi, peningkatan produktiviti, penggunaan mesin yang berkesan, mengurangkan ruang, dan sudah tentunya meningkatkan keberkesanan dan flexible logistik (Croxtton,2001).

2.8 PENGURUSAN DOKUMEN

Urusan dokumentasi pengurusan logistik adalah melibatkan sumber manusia. Sumber manusia adalah merupakan komponen utama dalam menentukan keberkesanan pengurusan logistik. Oleh itu, pentingnya kemahiran dan kemampuan staf, program latihan dan pemilihan prosuder dalam keberkesanan pengurusan logistik (Stock dan James R, 2001). Kualiti dan ciri-ciri keberkesanan logistik juga adalah mengenai integriti personel, mampu untuk motivasi, mampu untuk membuat rancangan, mampu untuk mengurus, kawalan pengurusan, keberkesanan komunikasi, mampu untuk menasihati, menyelesaikan masalah dan berkeyakinan (Paul R Murphy dan Richard, 1991). Ini merupakan perkara yang penting bagi anggota untuk menentukan dapat membuat segala prosuder dan peraturan bagi keperluan pengurusan logistik. Anggota hendaklah memahami segala peraturan dan prosuder untuk

menentukan segala permohonan dan proses pengurusan logistik dapat dipenuhi dengan sempurna.

Pengurusan rantai bekalan menggunakan dokumen dimana sebagai mengawal dan urutan maklumat, struktur dan infrastruktur proses yang berkaitan dengan agihan peralatan melalui saluran tertentu kepada pelanggan dan akan memaksimumkan kepuasan pelanggan. Ianya akan mencapai kepada peningkatan prestasi persaingan antara organisasi (Vickery, Calantone dan Droge, 1999)

2.9 KEBERKESANAN PENGURUSAN LOGISTIK

Semua aktiviti turun dan naik rantai bekalan dan koordinasi untuk menyamakan bekalan dan permohonan semua level, perkongsian maklumat dan teknologi untuk meningkatkan inovasi dan memendekkan pusingan pembangunan produk, mengurangkan pusingan pesanan, menukarkan stok mengikut urutan, keberkesanan dan kecekapan maklumbalas kepada permintaan pelanggan, mengurangkan kos dan meningkatkan kepuasan pelanggan (Houlin J.B, 1985). Keberkesanan organisasi adalah mengenai prestasi ketepatan pengiraan inventori, memenuhi pesanan, agihan mengikut masa, ketepatan invois (James S. Keebler, 1998). Proses yang teras dalam pengurusan rantai bekalan ialah pengurusan hubungan pelanggan,

pengurusan khidmat pelanggan, pengurusan permohonan, memenuhi pesanan, urutan pengurusan pengilangan, perolehan, pembangunan dan komersial produk dan pengembalian (Croxtan, 2001).

2.10 ALAT KAJIAN

Pembetulan dalam setiap pembolehubah adalah dibangunkan dan disokong berdasarkan kepada literatur yang lepas. Bagi kajian ini terdapat lima pembolehubah tidak bersandar iaitu pengurusan permohonan, memenuhi keperluan, pengurusan inventori, pelupusan, prosedur dan satu pembolehubah bersandar ialah keberkesanan pengurusan logistik.

Pengurusan permohonan. Pengurusan permohonan adalah perlu untuk mengimbangi kehendak pelanggan dengan keupayaan bekalan firma

(Croxtan, 2001). Pengurusan permohonan adalah merupakan salah satu elemen penting dalam pengurusan rangkaian bekalan. Pengurusan permohonan yang telah digariskan dalam kajian dibahagikan kepada dua iaitu proses strategik dan proses operasi. Proses strategik meliputi pendekatan mengenalpasti ramalan untuk digunakan, rancangan, mengenalpasti prosuder, membangunkan rancangan kontigensi dan membangunkan rangkakerja untuk mengukur dan pemantauan proses tersebut. Proses operasi pula adalah mengenai pengumpulan data dan maklumat, peramalan, serentak,

meningkatkan fleksibel dan mengurangkan perubahan dan pengukuran prestasi. Ini boleh dirumuskan bahawa pengurusan permohonan hendaklah melalui proses yang tertentu untuk mendapatkan keberkesanannya. Proses ini yang dibuat oleh anggota yang terlibat secara langsung dengan pengurusan logistik. Proses yang dibuat tersebut juga hendaklah selari dengan perancangan pasukan dalam sesuatu tugas. Segala kelulusan yang dipohon juga mestilah mendapat maklumbalas dari pihak atasan bagi menentukan tindakan lanjut akan diambil dan pasukan itu juga mestilah memantau proses tersebut mendapat perhatian pihak atasan.

Proses memenuhi keperluan. Keberkesanan memenuhi keperluan adalah integrasi dalam pengilangan, logistik dan rancangan pemasaran (Croxton, 2001). Dalam kajian ini juga telah membahagikan proses memenuhi keperluan kepada dua bahagian iaitu proses strategik dan proses operasi. Proses strategik membentangkan mengenai matlamat khidmat pelanggan, mengenalpasti keperluan, menilai rangkaian logistik, mengenalpasti rancangan dan membangunkan keperluan mengikut kadar. Manakala proses operasi pula adalah mengenai bagaimana menjana keperluan, memasuki keperluan, proses, mengendalikan, pengambilan, agihan mengukur prestasi. Proses memenuhi keperluan juga memerlukan satu urutan yang dicadangkan untuk diikuti untuk mencapai tahap untuk memenuhi keperluan. Rancangan adalah penting untuk memastikan segala peralatan di pasukan memenuhi skala yang telah

ditetapkan. Kalau perlu, kajian hendaklah dibuat ke atas pegangan skala tersebut untuk proses pembangunan terhadap skala tersebut.

Proses pengurusan pengembalian. Proses pengembalian adalah untuk membantu dalam pencapaian pengekalan persaingan (Croxton, 2001). Proses strategik dalam pengurusan ini adalah mengenai persekitaran dan undang-undang, garis panduan pelupusan, membangunkan rangkaian pengembalian, mengenai keewangan dan membangunkan proses rangkakerja. Proses operasi pula telah mengenengahkan mengenai penerimaan permohonan pengembalian, mengenalpasti produk, semakan, memilih, keewangan dan analisa pengembalian dan pengukuran prestasi. Proses ini juga memerlukan satu rancangan dan mengikut aturan agar ianya tidak menjejaskan persekitaran dan peraturan ianya juga melibatkan keewangan bagi menguruskan pengembalian produk. Adalah penting untuk membuat perancangan bagi pelupusan peralatan kerana ianya akan melibatkan penggantian peralatan baru. Proses pemilihan peralatan yang lama perlu diadakan dengan membuat pemeriksaan terhadap peralatan tersebut. Seterusnya peralatan hendaklah disemak bagi proses seterusnya untuk mengenalpasti jenis peralatan untuk direkod dan penggantian ke atas peralatan tersebut.

Pengurusan Inventori. Pengurusan inventori adalah merupakan satu lagi elemen penting dalam rantai pengurusan bekalan. Ketidaktepatan dalam pengurusan inventori akan memberikan kesan kepada agihan (Bensounssan, 2006). Dalam kajian ini, model yang digunakan untuk membangunkan pengurusan inventori dengan penubuhan 'base stock policy', *sensitivity* 'base stock' dan rekabentuk sistem maklumat. Adalah penting untuk membangunkan pengurusan mengenai inventori. Ini dapat mengurangkan ketidaktepatan dalam pengendalian inventori. Pengurusan inventori hendaklah mengambilkira ketepatan stok yang disimpan dalam stor. Pemeriksaan stok hendaklah dibuat bagi memastikan ianya benar-benar ada disimpan di stor mengikut rekod dan fizikal di stor.


Pengurusan dokumen. Segala urusan yang melibatkan prosuder dan dokumentasi akan dilakukan oleh staf bagi pengurusan logistik. Mereka adalah merupakan elemen yang penting dalam keberkesanan organisasi logistik (Lambert, 2001). Kualiti yang telah dicirikan dalam keberkesanan sesuatu logistik adalah seperti mampu untuk motivasi, mampu untuk merancang, mampu untuk mengurus, mengawal, komunikasi yang baik, mampu untuk menasihati, penyelesaian masalah dan ada keyakinan diri. Ini dapat dirumuskan bahawa segala pelaksanaan tugas dalam pengurusan logistik mestilah disokong oleh staf yang mempunyai ciri-ciri tersebut. Keperluan sumber manusia menggunakan kemahiran, pengetahuan dan kecekapan untuk

mengendalikan gudang, mengawal inventori, pengangkutan, pembelian, untuk membangunkan pengurusan logistik (Stephen, 1999). Organisasi memerlukan sumber manusia bagi mengurus dan mengendalikan pengurusan logistik. Sumber manusia itu mestilah mempunyai kemahiran, pengetahuan dan cekap untuk mengendalikan segala urusan logistik.

Keberkesanan Pengurusan Logistik. Satu komponen yang penting dalam pengurusan rangkaian bekalan terutama rangkaian bekalan hadapan ialah rancangan permohonan. Penilaian ketepatan permohonan pelanggan akan memberikan kesan kepada level inventori, gelagat bekalan dan pengangkutan (De Treville et al, 2004). Segala produk yang dapat mencapai keupayaan maksima dan memenuhi permintaan pelanggan (Yano dan Dobson, 1998). Keberkesanan dalam pengurusan logistik adalah dengan mengukur prestasi terhadap perolehan bagi memenuhi keperluan pelanggan. Untuk memenuhi keperluan tersebut perlu ada satu proses yang perlu dirancang agar dapat memenuhi keperluan tersebut.

2.11 KONSEP KERANGKAKERJA

Berdasarkan kepada perbincangan dan literatur, teori dan konsep teoritikal kerangka kerja dalam kajian ini seperti berikut:



Rajah 3.2
Kerangka Kerja Teoritikal

2.12 HIPOTESIS

Berdasarkan kepada ulasan literatur dan kajian lepas, hipotesis kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- **Hipotesis 1:** Terdapat perkaitan yang signifikan di antara proses permohonan dengan keberkesanan pengurusan logistik di kalangan pegawai dan anggota Batalion 8 RAMD.
- **Hipotesis 2:** Terdapat perkaitan yang signifikan di antara memenuhi keperluan dengan keberkesanan pengurusan logistik di kalangan pegawai dan anggota Batalion 8 RAMD.
- **Hipotesis 3:** Terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengurusan inventori dengan keberkesanan pengurusan logistik di kalangan pegawai dan anggota Batalion 8 RAMD.
- **Hipotesis 4:** Terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengurusan pelupusan dengan keberkesanan pengurusan logistik di kalangan pegawai dan anggota Batalion 8 RAMD.

- **Hipotesis 5:** Terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengurusan dokumentasi dengan keberkesanan pengurusan logistik di kalangan pegawai dan anggota Batalion 8 RAMD.

2.13 KESIMPULAN

Dalam kajian yang lepas, didapati pengkaji melihat bagaimana proses dalam pengurusan rantai bekalan dan telah dipraktiskan untuk melihat keberkesanan sistem tersebut. Dalam kajian tersebut dapat dilihat beberapa elemen atau komponen yang penting telah diketengahkan dalam proses rantai tersebut. Beberapa komponen atau elemen yang telah dilihat dalam pengurusan rantai bekalan yang relevan dalam organisasi tentera melibatkan proses pengurusan permohonan, proses memenuhi pesanan, proses pelupusan, proses pengurusan inventori dan proses dokumen. Proses-proses ini adalah merupakan praktis dalam pengurusan rantai bekalan dalam Tentera Darat.

Dalam rantai bekalan logistik Tentera Darat, proses permohonan adalah penting untuk menentukan sesebuah pasukan dapat dilengkapi dengan semua peralatan yang membolehkan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Permohonan yang hendak dibuat mestilah mengikut rancangan dan keperluan. Ini bagi membolehkan segala peralatan yang

diperolehi memenuhi kehendak pasukan. Keperluan ini juga seterusnya akan melengkapkan anggota untuk membuat tugas-tugas yang telah diarahkan.

Proses memenuhi pesanan adalah merupakan keperluan untuk mendapatkan segala peralatan dan perkhidmatan dalam Tentera Darat untuk memenuhi segala peralatan di pasukan. Dalam Tentera Darat, skala peralatan telah ditetapkan bagi setiap pasukan. Pasukan hendaklah memenuhi segala keperluan berdasarkan kepada skala yang telah ditetapkan. Dengan memenuhi keperluan peralatan tersebut, pasukan dapat berada dalam keadaan siap sedia yang baik bagi menghadapi apa jua tugas.

Proses pelupusan dalam Tentera Darat akan dilaksanakan mengikut keperluan dan berdasarkan peralatan yang hendak dilupuskan. Ini adalah mustahak untuk membuat kawalan terhadap pelaksanaan pelupusan. Pihak atasan akan membuat kawalan dengan melantik pihak yang tertentu untuk mengendalikan perkara tersebut dan mengikut jangka waktu dan had nilai yang ditetapkan. Bagi pasukan, pelupusan adalah mustahak untuk mendapatkan gantian terhadap peralatan yang telah usang dan tak boleh digunakan. Ini bagi membolehkan wujudnya pergerakan peralatan dalam pasukan dan seterusnya memenuhi keperluan pasukan.

Pengurusan inventori dalam Tentera Darat adalah hampir sama dengan sistem inventori dalam komersial yang lain. Gudang adalah merupakan tempat yang digunakan untuk menerima, menyimpan dan seterusnya mengagih material. Dalam Tentera Darat, seperti yang telah dipraktiskan yang telah diterangkan dalam awal bab, kumpulan ordnans dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan pengurusan tersebut. Bagi peringkat pasukan, tempat penyimpanan material yang diterima adalah dalam stor-stor pasukan mengikut jenis-jenis peralatan yang diterima. Sel kuatermaster dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengurusan tersebut di peringkat pasukan.

Pengurusan dokumentasi adalah merupakan perkara yang mustahak untuk menentukan segala urusan dalam rantai bekalan dalam Tentera Darat dapat dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Staf yang bertanggungjawab mestilah cekap, memahami dan berkemahiran dalam menguruskan praktis yang telah digariskan agar segala peraturan dan prosuder dapat dipatuhi. Staf mestilah tahu untuk mengendalikan segala dokumen bagi mendapatkan peralatan dan perkhidmatan mengikut rancangan yang telah ditetapkan.

Keberkesanan dalam pengurusan logistik boleh dipengaruhi oleh berbagai faktor. Oleh itu, kajian ini akan melihat bagaimana hubungan diantara faktor iaitu proses permohonan, memenuhi pesanan, pengurusan pelupusan, pengurusan inventori, dokumentasi dengan keberkesanan pengurusan logistik.